

## Kerjasama Mais-AADK pulih penagih tegar

19 Disember 2017

# Kerjasama Mais-AADK pulih penagih tegar

Pusat Pemulihan Baitul Islah ambil pendekatan berlandaskan al-Quran

NOR AZIHAN MD GHZALI

KLANG - Pusat Pemulihan Baitul Islah Majlis Agama Islam Selangor (Mais) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dibina di atas tanah Mais di Serendah, Hulu Selangor dengan kos keseluruhan berjumlah RM9.1 juta.

Setiausaha Mais, Datuk Baktiar Hussin berkata, kos berkenaan menggunakan sumber Al-Riqab daripada Lembaga Zakat Selangor (Zakat Selangor) dan ia dijangka beroperasi pada Januari 2018.

"Bahagian Pemulihan Al-Riqab Mais memperuntukkan bajet pengoperasian tahun 2018 merangkumi bayaran emolumen pengurusan pentadbiran dan pengurusan operasi berjumlah RM1.8 juta.

"Pusat ini dibangunkan bagi pemulihan, rawatan dan perlindungan untuk penagih dadah yang hidup dengan HIV atau Aids di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara Mais yang diwakilinya dan AADK oleh Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Abd Halim Hussin di Hotel



Baktiar (kanan) dan Abd Halim saling bertukar dokumen MOU antara kedua-dua pihak pada majlis tersebut.

**INFO** • Pusat dibangunkan bagi pemulihan, rawatan, perlindungan penagih dadah hidup HIV atau Aids

• AADK berhasrat tambah empat lagi pusat pemulihan di negara ini

Aliya, di sini, semalam.

Memorandum persefahaman itu merupakan MOU yang melibatkan kerjasama kedua-dua pihak bagi mengendalikan Pusat Pemulihan Baitul Islah Mais dan AADK.

Menurutnya, kerjasama kedua-dua pihak ini berkait

rapat dengan pembangunan sosial masyarakat Islam yang menggunakan konsep *National Blue Ocean Strategy* (NBOS).

"Cadangan kapasiti penghuni pusat pemulihan berkenaan adalah seramai 40 orang terdiri daripada lelaki yang beragama Islam.

"Pelatih akan tinggal di pusat itu sehingga mereka bebas daripada belengguyang dihadapi sama ada mereka akan kembali ke pangkuan keluarga untuk meneruskan kehidupan secara normal atau meninggal dunia dalam Islam," katanya.

Sementara itu, Abd Halim berkata, Mais adalah majlis agama Islam negeri yang pertama melaksanakan

usahasama dengan AADK bagi program seumpama ini.

"Saya hargai usahasama dengan Mais selaku rakan strategik dalam membantu penagih tegar termasuk anak-anak Selangor dan pemastautin.

"Kerjasama ini mengambil pendekatan melalui proses pemulihan berlandaskan al Quran dan sunnah sebagai *fundamental* bagi memulihkan para pesakit HIV atau Aids," katanya.

Dalam pada itu, katanya, AADK berhasrat untuk menambah empat lagi pusat pemulihan di negara ini termasuk 27 yang sudah sedia ada bagi menampung keperluan pesakit.